

09/01/2005

## Sentuhan jiwa seni Arca Shona

By Azran Jaffar

BERCAKAP mengenai rekaan landskap, apa yang selalu bermain di fikiran kebanyakan kita adalah kawasan yang dipenuhi tumbuhan pelbagai jenis dan warna. Bagi menambah keceriaan, ia diisi dengan beberapa bahan penyeri seperti pasu pelbagai rupa serta binaan seperti pergola dan wakaf manakala sebagai penyinar pula, lampu taman dijadikan bahan menyuntik elemen ini.

Ilham sebegini memang lumrah di kalangan pemilik kediaman kerana bagi kebanyakan kita unsur-unsur ini membantu dalam mewujudkan suasana diinginkan di samping mampu mencetuskan kedamaian sesuai sebagai fungsinya sebagai penenang dan ruang beristirahat selepas seharian sibuk dengan urusan pejabat.

Namun tidak ramai yang sedar bahawa elemen seni eksklusif juga adalah antara bahan hiasan yang berupaya memberikan ciri menarik pada halaman, dan menariknya ia memberikan kelainan kepada rekaan taman.

Arca adalah satu antaranya. Walaupun pada masa ini ramai juga pemilik kediaman yang agak terpengaruh dengan rekaan landskap Bali, yang disebabkan oleh faktor cuaca, dan meletakkan beberapa patung berupa dewata di halaman, namun ia mungkin tidak sesuai dengan fahaman sesetengah pemilik kediaman.

Sama ada berbentuk abstrak atau menggambarkan imej tertentu, arca adalah antara elemen keras yang berfungsi mewujudkan keseimbangan pada halaman yang hanya dipenuhi tumbuh-tumbuhan.

Selain itu, penghasilannya yang mendapat sentuhan seni seseorang pengarca menjadikan bahan ini sebagai satu hasil seni yang tiada duanya dan menjadikan halaman yang dihiasi arca lebih eksklusif dan tersendiri.

Jika selama ini arca lebih banyak dijadikan hiasan di taman awam, meletakkan hasil seni ini di kawasan kediaman menjadikan sesebuah halaman lebih menonjol dan bergaya.

Satu seni arca yang semakin mendapat tempat sebagai hiasan halaman adalah seni arca batu Shona hasil sentuhan seni pengarca dari Zimbabwe, Afrika yang dibawa ke sini oleh Kcamroc Sdn Bhd, yang dimiliki pasangan suami isteri, Mary Jane Cormack dan Charles Cormack.

Bermula sebagai pemasar arca ini kerana minat yang mendalam terhadap arca, juga bagi mengisi masa, Mary Jane kini mengusahakan perniagaan ini sepenuh masa bersama suaminya.

"Kami berada di sini sejak pertengahan tahun 1999 kerana suami ditukarkan ke negara ini sebagai pengarah urusan," katanya.

Mary Jane turut menjadikan bahagian atas banglo dua tingkatnya di Bukit Tunku, sebuah kawasan kediaman mewah yang terletak di tengah ibu kota sebagai galeri.

"Sewaktu berada di sini saya melihat minat masyarakat tempatan terhadap seni semakin berkembang, maka saya cuba memasarkan arca Shona memandangkan hasil seni terkenal di seluruh dunia," kata Mary Jane mengenai pembabitannya dalam bidang ini.

Beliau yang juga seorang pengumpul arca dan kelahiran Zimbabwe berkata, arca Shona adalah satu seni arca unik yang dibangunkan oleh masyarakat Shona di sana dan ia menggambarkan kehidupan, budaya, semangat dan jiwa masyarakat ini.

Kemahiran masyarakat Shona terhadap penghasilan arca bermula sejak kurun ke 15 dan hanya 1950-an ia mula mendapat tempat di kalangan peminat seni yang mana semenjak itu ia menjadi himpunan peminat seni di Eropah, Amerika dan Jepun, katanya.

Mary Jane berkata, hanya sejak kebelakangan ini arca Shona dikenali di Asia dan di Malaysia bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad turut memiliki arca ini yang diletakkan Galeri Perdana di Langkawi.

Arca di Langkawi itu adalah hasil kerja seni Gerald Takawira, antara pengarca yang cukup dikenali dan beliau pernah mengadakan pameran solo di NN Gallery di Ampang.

Kata Mary Jane, selain Takawira beliau juga pernah mengundang Witness Bonjisi, Lovemore Jeans, Nixon Muti dan Nesburt Mukomberanwa dan mereka adalah antara nama-nama besar dalam ukiran arca Shona di Zimbabwe.

(END)